

03 SEP 2003

IDB-Malaysia

TIGA NEGARA ANGGOTA IDB HANTAR WAKIL KUNJUNGI M'SIA

Oleh: Amer Hamzah Md Sap

ALMATY (Kazakhstan), 3 Sept (Bernama) -- Sekurang-kurangnya tiga negara anggota Bank Pembangunan Islam (IDB) akan menghantar wakil untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Malaysia selepas sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam di Putrajaya pada Oktober ini.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh hari ini berkata, satu daripada rombongan itu terdiri konsortium bank saintifik dan bank negara Kazakhstan, yang mempunyai kaitan dalam bidang pertanian dan pentadbiran, yang akan ke Malaysia pada 21 dan 22 Okt ini.

Bercakap kepada Bernama di sini, beliau berkata, mereka akan diberi pendedahan mengenai inovasi di segi pentadbiran dan budaya kerja oleh Unit Perancangan Ekonomi serta dibawa melawat ke agensi-agensi lain yang berkenaan.

Lawatan mereka akan diatur oleh Kementerian Luar dan dibiayai oleh Bank Pembangunan Asia, katanya.

Satu lagi delegasi ke Malaysia terdiri pegawai kerajaan dari Burkina Faso yang akan meninjau peluang mendapatkan bantuan kemahiran dan biasiswa.

Mereka mungkin disertai pegawai dari beberapa negara lain dari Afrika yang menganggotai IDB yang memerlukan bantuan yang sama, katanya.

Sekumpulan lagi adalah pegawai dari Azerbaijan, kata Shafie.

Namun, tarikh lawatan mereka belum dipastikan.

Menurutnya, Malaysia kemungkinan menawarkan bantuan menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Shafie juga melahirkan penghargaan kepada Presiden IDB Dr Ahmad Mohamed Ali kerana sokongan pertubuhan itu terhadap cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung penggunaan Dinar Emas.

Beliau berkata Bank Negara Malaysia dijangka membentangkan butiran cadangan penggunaan Dinar Emas itu dalam mesyuarat pakar di Jeddah, Arab Saudi, dari 7 hingga 11 Sept ini.

--BERNAMA

AHM RV MAI